

13/08/1997

PM rasmi penutup konvensyen

KOTA BHARU, Selasa - Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan majlis penutup konvensyen Umno Kelantan pada 29 Ogos ini bagi meraikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak, semalam.

Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata majlis penutup konvensyen dua hari di sini diadakan di Cherang Ruku, Semerak, sebagai menghargai kejayaan parti.

"Perkara ini disahkan malam tadi dan ia dilakukan selepas pembentangan kertas kerja dan sidang pleno konvensyen.

"Dr Mahathir akan menyampaikan amanatnya kepada rakyat di Semerak, di samping mendengar dan menerima Deklarasi Semerak yang antara lain mengandungi agenda masa depan BN Kelantan.

"Sebelum itu, kita membentangkan beberapa kertas kerja yang ada kaitan dengan agenda BN di Kelantan, termasuk Deklarasi Semerak dan Agenda Semerak," katanya, di sini.

(END)